

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

TM. 90/2026

12 MAC 2026

MAJLIS IFTAR RAMADAN PERKUKUH SINERGI INDUSTRI PELANCONGAN SEMPENA KEMPEN MELAWAT MALAYSIA 2026 (VM2026)

KUALA LUMPUR — Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) hari ini menganjurkan Majlis Iftar Ramadan di Pavilion Hotel Kuala Lumpur yang diserikan dengan kehadiran YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Selain majlis berbuka puasa, acara ini turut berperanan sebagai platform strategik untuk memperkukuh hubungan diplomatik dengan para diplomat asing, di samping menggalakkan jaringan kerjasama dan interaksi dalam suasana muhibah yang mencerminkan semangat perpaduan serta saling menghormati.

Majlis tersebut menghimpunkan delegasi yang terdiri daripada diplomat asing, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Pelancongan serta penggiat industri pelancongan, selain barisan pengurusan tertinggi MOTAC dan Tourism Malaysia. Mencerminkan komitmen Kerajaan dalam memastikan persekitaran pelancongan yang selamat dan kondusif, program ini turut menampilkan Taklimat Keselamatan Negara oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang menekankan kepentingan kerjasama pelbagai pihak dalam memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelancongan yang selamat, mesra dan diyakini oleh pelawat antarabangsa.

Para tetamu turut berpeluang menikmati keunikan budaya Malaysia melalui sajian makanan tempatan, persembahan muzik tradisional serta tayangan eksklusif video promosi VM2026. YB Menteri Pelancongan juga meluangkan masa mengadakan sesi interaktif bersama penggiat industri bagi membincangkan cabaran yang dihadapi serta bertukar pandangan mengenai langkah-langkah memperkukuh pembangunan industri pelancongan dan kebudayaan negara. Dialog ini mencerminkan komitmen MOTAC untuk memastikan dasar dan inisiatif yang dilaksanakan sentiasa responsif terhadap keperluan industri, di samping mengeratkan kerjasama strategik antara kerajaan dan pihak berkepentingan.

Penganjuran majlis ini turut menyemarakkan semangat kebersamaan antara kerajaan, rakan diplomatik dan penggiat industri pelancongan ketika Malaysia bersiap sedia menghadapi pelbagai pencapaian penting sempena Kempen Melawat Malaysia 2026. Ia sekali gus mencerminkan komitmen berterusan MOTAC dalam memperkukuh ekosistem pelancongan negara serta menyokong pemain industri yang menjadi nadi kepada pembangunan ekonomi dan warisan budaya Malaysia.

- TAMAT -

Latar belakang Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang buat komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaa, sila hubungi:

Zurina binti Saud
Penolong Pengarah
Bahagian Sumber Manusia
zurinasaud@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8935

Norshariza binti Mohd Saad
Timbalan Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
norshariza@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8775

